

Ruj. : MBOT.600-8/5/1 JLD 2(89)

Tarikh : 27 Mei 2025

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN

YBhg. Datuk/ Dato' / Prof. / Dr. / Tuan/ Puan,

KETETAPAN DAN PENGLIBATAN PENASIHAT LUAR DAN PENASIHAT INDUSTRI

Dengan segala hormatnya merujuk kepada pemakluman Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dengan kod rujukan MBOT.600-8/5/1 JLD 2(20) bertarikh 25 November 2024 adalah berkaitan.

2. Penasihat luar dan penasihat industri memainkan peranan penting dalam memberikan pandangan serta nasihat yang konstruktif terhadap program teknologi, agar program sentiasa relevan dan memenuhi keperluan pemegang taruh. Sehubungan itu, TTAC ingin mengingatkan bahawa ketetapan dan penglibatan kedua-dua penasihat tersebut adalah seperti berikut:

- i. Berdaftar sebagai Teknologis Profesional (Ts.) atau Juruteknik Bertauliah (Tc.) dalam bidang yang berkaitan dengan program ditawarkan; dan
- ii. Kualiti program dinilai sama ada berbentuk laporan atau minit mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun.

3. Selaras dengan ketetapan dan penglibatan yang dinyatakan, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN)

Pengerusi

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal

Lembaga Teknologis Malaysia